



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 9/2020 (Pindaan No. 2)

1. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan suatu pelan di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) pada 17 Mac 2021, melanjutkan pengecualian cukai perkhidmatan bagi premis penginapan sehingga 31 Disember 2021.
2. Sehubungan dengan itu, Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 9/2020 adalah dipinda seperti berikut:

(a) Dalam perenggan 2 dengan menggantikan dengan perenggan yang berikut:

Pengecualian cukai perkhidmatan adalah untuk tempoh bermula dari 1 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2021.

(b) Dengan mengeluarkan subperenggan 5.5. Pindaan ini akan diterangkan dengan lebih lanjut di dalam Dasar TTx 1/2021 yang akan dimuatnaik di dalam portal MyTTx.

(c) Dalam perenggan 6.2 dengan menggantikan dengan perenggan yang berikut :

Bagi perkhidmatan yang dikecualikan berlaku pada 1 Disember 2021 dan berakhir pada 1 Januari 2022, perkhidmatan tersebut dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.

NOTA : Dengan berkuat kuasa Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 2/2021 pada 1 Julai 2021, maka Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 9/2020 (Pindaan No.2) ini adalah dibatalkan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA